

TEKANAN KERJA DALAM PROFESION PERGURUAN: SATU KAJIAN KES

¹Azlina Abu Bakar, ²Madiyah Mohamad Shukri dan ³Raja Zirwatul Aida Raja Ibrahim
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
Mengabang Telipot, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu
¹azlina@kustem.edu.my, ²madiah@kustem.edu.my, ³zirwatul@kustem.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap tekanan kerja di kalangan guru, perbezaan di antara jantung dengan tekanan dan punca-punca tekanan kerja berlaku. Dua soalselidik ditadbirkan kepada 64 orang guru yang mengajar di sebuah sekolah jenis SRJK (C) di daerah Kuala Terengganu. Melalui Inventori Tekanan Kerja Untuk Guru (ITKUG), dapatan menunjukkan 86% daripada guru dalam kajian ini mengalami tekanan kerja. Di antara punca-punca ia berlaku ialah, terpaksa mengajar subjek yang mereka tidak pernah menerima latihan, mengajar dalam kelas yang besar dan sukar memotivasikan pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan dari segi tahap tekanan kerja di antara jantung ($P < .01$) dan faktor-faktor persekitaran merupakan punca utama tekanan kerja berlaku di kalangan guru.

Kata kunci: Tekanan Kerja, Guru, Pendidikan

PENDAHULUAN

Sejak kebelakangan ini, tekanan semakin serius berlaku dikalangan guru terutamanya di sekolah rendah (New Straits Times, 30 Mac 1990). Kesatuan perkhidmatan perguruan kebangsaan (NUTP) melaporkan bahawa bilangan guru mengalami tekanan jiwa telah mencecah lebih kurang 600 kes (Utusan Melayu, 27 Februari 1998). Sistem pendidikan telah mengalami banyak perubahan dan masyarakat semakin memberi tekanan ke atas diri guru kerana tidak menunjukkan prestasi di harap-harapkan. Pendek kata, profesion perguruan merupakan satu pekerjaan yang bertekanan tinggi sama seperti tugas jururawat dan pengawal trafik udara (Storz, 1990) [4].

Terdapat tiga faktor utama mengakibatkan tekanan semakin timbul di kalangan guru-guru. Salah satunya ialah beban kerja disebabkan faktor persekitaran kerja (mencabar) atau kerehnan nakal murid yang menjejaskan proses pengajaran. Keduanya, masalah peribadi yang merupakan punca utama menimbulkan tekanan jiwa di kalangan guru disebabkan mereka tidak berupaya menangani masalah rumahtangga. Ketiga, guru mengalami tekanan jiwa sejak kecil lagi. Secara tidak langsung ini akan menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran serta membahayakan keselamatan pelajar. Tambahan pula, terdapat satu kes melibatkan pelajar di sebuah sekolah menengah di Shah Alam di mana pelajar ponteng kelas kerana takut masuk kelas guru bermasalah (memukul pelajar tanpa sebab) (Utusan Melayu, 27 Februari 1998).

Di samping itu, antara punca-punca utama yang boleh menimbulkan tekanan kerja di kalangan guru adalah faktor perubahan atau struktur organisasi (sekolah), di mana guru perlu menguasai ilmu teknologi (komputer) serta bahasa Inggeris dengan baik dalam proses pengajaran. Sementara itu, bebanan dan kebosanan kerja serta kurang sokongan dalam proses pengajarannya akan memberi kesan negatif kepada psikologi dan jiwa mereka seperti berasa kluatir, risau, murung dan sebagainya (Jaafar Mohammad, 2000) [4].

Appley dan Trumbull melihat tekanan sebagai sesuatu yang mempengaruhi fisiologi dan tingkah laku kepada rangsangan yang tidak disukai dengan melibatkan ketegangan sama ada fizikal atau psikofizikal. Goldenson pula mendefinisikan tekanan sebagai satu keadaan dalaman (persekitaran) memerlukan penyesuaian ke atas organisma (Jaafar Muhammad, 2000 [4] dan Tan Huat Chye, 1996) [5]. Goldenson berdasarkan Longman Dictionary of Psychology and Psychiatry mendefinisikan tekanan sebagai :

“..... a state of physical or psychological strain which impose demands for adjustment upon the individual stress may be intend environmental, brief or persistent. If excessive or prolong, it may overtax the individuals resource and lead to a breakdown of organized functioning or decompensation. Types of situation that produce stress include frustration, deprivation conflict, and pressure, all of which may arise from internal or extend source” (Tan Huat Chye, 1996, m.s. 126) [5].

Hans Selye (1976) [2] melihat tekanan sebagai persekitaran yang mempengaruhi reaksi psikologikal terhadap seseorang sehingga mudah dihadapi penyakit jantung, tekanan darah tinggi (masalah pengaliran darah atau sukar pernafasan) dan seumpamanya. Ini boleh berlaku kerana seseorang berasa terancam atau tidak selamat (bimbang) dalam suasana yang tertekan. Di samping itu, tekanan boleh memberi kesan psikologikal kepada seseorang iaitu selalu berasa salah, panik, ketegangan dan dukacita (kognitif) (Cary L. Cooper et. al, 2000).

Satu kajian berdasarkan jantina (demografi) mendapati guru wanita lebih mengalami tekanan kerja berbanding guru lelaki masa kini bukan saja sibuk urusan sekolah juga sibuk urusan rumahtangga (ekualiti) (Tan Huat Chye, 1996) [5]. Laporan dalam New Straits Times bertarikh 29 Mac 1990 pula menunjukkan statistik guru sekolah rendah menghadapi masalah psikologi adalah lebih tinggi (885) berbanding guru sekolah menengah (403).

Di antara tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap sebaran tekanan kerja yang wujud di kalangan guru sekolah rendah, punca tekanan kerja di kalangan guru dan sama ada terdapat perbezaan tekanan kerja mengikut jantina.

BAHAN DAN KAEDAH

Kaedah Kajian

Kajian rintis telah dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan instrumen berdasarkan jawapan responden di samping mengemaskinikan soal-selidik yang akan diberikan kepada responden. Daripada kajian rintis yang telah dijalankan didapati reliabiliti instrumen adalah tinggi dengan alpha cronbach 0.95.

Sample

Responden kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar di sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Gred A terletak di daerah Kuala Terengganu. Sekolah ini merupakan satu-satunya SRJK (C) Gred A di daerah Kuala Terengganu. Pemilihan sample adalah berdasarkan jadual persampelan (Uma Sekaran, 2003) di mana 66 orang guru dipilih secara rawak daripada 80 populasi yang terdiri daripada 9 orang guru lelaki dan 71 orang guru perempuan. Walau bagaimanapun, hanya 64 soalselidik yang dikembalikan. Setiap guru di sekolah tersebut mempunyai peluang yang sama untuk dijadikan sample dalam kajian ini. Sekolah tersebut dipilih adalah berdasarkan ciri-ciri berorientasikan akademik, sekolah bantuan kerajaan, Sekolah Rendah Kebangsaan Cina dan Gred A dan berfungsi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah Inventori Tekanan Kerjaya (ITKUG) yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A adalah profil guru untuk mengumpul demografi responden dari aspek jantina, taraf perkahwinan, pengalaman mengajar, kelayakan, darjah diajar (darjah 1 hingga darjah 6) dan beban mengajar (seminggu).

Bahagian B adalah Inventori Tekanan Kerjaya Untuk Guru (ITKUG) untuk mendapatkan maklumat daripada responden tentang punca tekanan kerjaya guru. Bahagian ini adalah mengenai sebaran (tahap) tekanan kerjaya guru, responden akan menyatakan tahap tekanan sebagai guru dengan berdasarkan tanggapan dirinya. Dengan itu, responden akan menjawab berdasarkan lima skala (skala Likert) iaitu tiada tertekan, sedikit tertekan, sederhana tertekan,

sangat tertekan, teramat tertekan. Instrumen ini diperterjemahkan daripada *Occupational Stress Inventory For Teachers (OSIT)*.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Responden dalam kajian ini adalah seramai 64 orang di mana majoriti (84.4%) adalah guru perempuan. Kebanyakan guru dalam kajian ini berpengalaman dalam bidang perguruan di mana hampir 52% telah menjadi guru lebih daripada 10 tahun. Hanya 23% guru mempunyai sijil diploma manakala lebih 80% merupakan guru terlatih. Rujuk Jadual 1.

Jadual 1 : Profil Guru (N=64)

Ciri-ciri	N	%
Jantina		
Lelaki	10	15.6
Perempuan	54	84.4
Pengalaman		
<1 tahun	10	15.6
1-3 tahun	6	9.4
4-10 tahun	15	23.4
>10 tahun	33	51.6
Taraf pendidikan		
MCE/SPM	32	50.0
HSC/STP/STPM	17	26.6
Diploma	15	23.4
Kelayakan Profesional		
Terlatih	54	84.4
Tidak Terlatih	10	15.6
Jumlah Masa Mengajar		
< 20	2	3.1
21-25	2	3.1
26-30	19	29.7
>30	41	64.1
Jumlah	64	100.0

Hasil kajian menunjukkan bahawa 55 daripada 64 orang responden (86%) menghadapi tekanan. Ujian t pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tekanan guru sekolah rendah ($P < .01$) di mana lebih ramai guru wanita didapati mengalami tekanan kerja. Dapatan ini didapati menyokong dapatan kajian Borg dan Falzon (1995) dan Tan Huat Chye (1996). Di antara sebab ia berlaku adalah faktor konflik di tempat kerja dan konflik di rumah. Ini kerana guru perempuan bukan saja menunaikan tanggungjawab di rumah, tetapi juga berusaha untuk mendapat persamaan (ekualiti) dalam proses membuat keputusan di sekolah. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini agak berbeza daripada laporan dalam *New Straits Times* yang bertarikh 29 Mac, 1990. Rujuk Jadual 2.

Jadual 2 : Taburan Guru yang Mengalami Masalah Psikologi

	Psikosis	Neurosis	Jumlah
Mengikut Jantina :			
Lelaki	102	623	725
Perempuan	67	496	563
Mengikut Sekolah :			
Sekolah Menengah	59	344	403
Sekolah Rendah	110	775	885

Laporan di atas menunjukkan bahawa lebih ramai guru lelaki mengalami gangguan mental. Laporan tersebut juga menyatakan bahawa guru di sekolah rendah lebih ramai mengalami masalah psikologi berbanding guru sekolah menengah. Rujuk Jadual 2.

Punca tekanan yang paling tinggi di kalangan guru di sekolah rendah dalam kajian ini adalah aspek persekitaran (47%). Di antara aspek yang termasuk dalam persekitaran dalam kajian ini adalah :

- Kekurangan peluang untuk maju dalam profesion.
- Keengganan guru besar menegur atau menyiasat kes-kes salah laku serius yang dilaporkan.
- Kekurangan kerjasama daripada pihak ibubapa.
- Keengganan guru besar berhadapan dengan ibubapa.
- Kebisingan dan gangguan lain dari kelas-kelas sebelah.
- Kekurangan ruang bilik darjah untuk kerja kumpulan.
- Kekurangan masa untuk menangani hal-hal peribadi atau keluarga.
- Kemudahan yang serba kekurangan di bilik guru atau sekolah.
- Kelewatan kenaikan pangkat.

Terdapat 4 faktor utama yang membawa tekanan kepada guru iaitu pelajar, keadaan mengajar, pentadbiran dan persekitaran. Punca tekanan yang berkaitan faktor pelajar adalah terpaksa menangani pelajar-pelajar sentiasa berkelakuan buruk, sikap buruk pelajar terhadap kerja sekolah dan ramai pelajar tidak datang ke kelas dengan bahan-bahan yang diperlukan. Rujuk Jadual 3.

Jadual 3 : Punca-punca Tekanan Di Kalangan Responden

Punca Tekanan	Min	Sisihan Piawai
Pelajar	10.54	2.78
Pengajaran	22.96	5.56
Pentadbiran	19.48	4.83
Persekitaran	28.37	7.19

Selain itu, terdapat punca tekanan berkaitan faktor keadaan mengajar iaitu berasa susah memberi motivasi, kekurangan sumber untuk mengajar dan terpaksa mengajar kelas yang besar .

Punca tekanan berkaitan faktor pentadbiran termasuklah dasar disiplin sekolah yang serba kekurangan, terpaksa mematuhi keputusan pihak pentadbiran sekolah yang dibuat tidak berunding dengan guru, kekurangan masa untuk berehat dan bersantai akibat daripada jadual waktu yang berat dan seumpamanya. Seterusnya, punca tekanan berkaitan faktor persekitaran merangkumi kekurangan peluang untuk maju dalam profesion dan kekurangan kerjasama daripada pihak ibubapa .

Guru juga berasa tertekan apabila masa lapang waktu mengajar telah digunakan untuk menyempurnakan kerja-kerja perkeranian sehingga menyebabkan guru mengalami 'kekurangan masa berehat akibat daripada jadual waktu berat'. Tambahan pula, guru terpaksa mematuhi keputusan pihak pentadbiran sekolah yang dibuat tanpa berunding dengan guru.

Di samping itu, 'kurang kerjasama daripada ibubapa' merupakan tekanan di kalangan guru sekolah rendah. Ini adalah disebabkan guru berasa bahawa tugas mereka mungkin menjadi lebih senang jika dapat sokongan daripada ibubapa. Ketiadaan sokongan akhirnya akan menyebabkan guru berasa kecewa dan mengalami tekanan kerja. Hasil kajian yang dijalankan oleh John Ivancevich et.al (1997), Tan Huat Chye (1996) dan Jaafar Muhammad (2000) juga menunjukkan fenomena yang sama.

Selain itu, guru juga berasa tertekan jika mereka 'terpaksa mengajar suatu mata pelajaran yang tidak pernah 'dilatih'. Sehubungan itu, guru mengajar mata pelajaran yang tidak pernah dilatih akan mudah berasa tertekan sebab mengalami kekaburan peranan iaitu tidak mendapat maklumat yang cukup mengenai peranan kerja atau tidak mendapat penjelasan tentang objektif peranannya dalam sesuatu proses pengajaran.

KESIMPULAN

Sekolah merupakan suatu tempat melahirkan insan atau generasi muda yang berguna untuk masa depan negara. Di sinilah guru memainkan peranan untuk merealisasikan wawasan negara. Peluang guru sekolah rendah maju dalam profesion perlu ditingkatkan melalui penawaran biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT). Langkah ini lebih khusus untuk guru sekolah rendah meningkatkan kelayakan profesionalnya. Kemudahan di bilik guru atau sekolah juga perlu diperelekkkan lagi supaya dapat melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran serta secara tidak langsung dapat mempertingkatkan imej sekolah. Sehubungan itu, guru sekolah rendah juga perlu dilihat sebagai agen penting dalam usaha untuk 'melentur buluh daripada rebungnya'.

RUJUKAN

1. Borg, M.G. & Falzon, J.M. (1995). *Burnout Studies*. London: Sage Pub.
2. Hans Selye (1976) . In Riggio, R. E. (2000). *Introduction to Industrial/Organizational Psychology*. New Jersey: Prentice Hall
3. Jaafar Muhammad (2000). *Gelagat Organisasi*. Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka
4. Storz, M.L. (1990). *Sociologist: Teachers May Just Be Suffering From Stress*. The Star. KL: Julai 29
5. Tan Huat Chye (1996). *Tekanan Guru Di Daerah Gombak*. Malaysia : UM